



URUS SETIA JAWATANKUASA KEWANGAN & PEMBANGUNAN  
PEJABAT BENDAHARI  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM

TEL: 03-5544 3390  
FAKS: 03-5544 3302

Ruj. Kami : 100-BBI(PTA. 9/4/1)(JKP 190/2014)  
Tarikh : 05 Mei 2014

Penolong Naib Canselor  
Pembangunan, Pengurusan Fasiliti & ICT  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam



YBhg. Prof.

**PERMOHONAN PEMBELIAN KOMPUTER PERIBADI  
(DESKTOP) SECARA GERAN  
(AGENDA D 4206)**

Dengan segala hormatnya YBhg. Prof. dirujuk kepada perkara di atas.

2. Berikut ialah keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan ke-190 bertarikh 30 April 2014 untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof. selanjutnya.

**KEPUTUSAN:**

Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan bersetuju meluluskan permohonan pembelian komputer peribadi (*Desktop*) secara geran di peringkat Universiti Teknologi MARA seperti berikut:

1. Pekeliling Naib Canselor Bil 2 Tahun 2014 iaitu Pembelian Komputer Riba Secara Geran dan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan IT UiTM adalah dirujuk.
2. Dasar Pembiayaan.
  - 2.1 Pemberian Geran sebanyak RM1,500.00 kepada setiap staf yang berkelayakan untuk tempoh selama 4 tahun iaitu bersamaan RM375.00 setahun (fleksibiliti dalam pemberian geran untuk memenuhi kes-kes tertentu). Sekiranya berlaku kehilangan, pemilik bertanggungjawab sepenuhnya dan tiada lagi pemberian geran akan diberikan sehingga tempoh 4 tahun yang seterusnya.
3. Dasar Pengagihan.
  - 3.1 Merujuk kepada Garis Panduan Pengagihan Perkakasan IT (Pekeliling Naib Canselor Bil 2 Tahun 2014).

*Pu. Lutun*

*Sr Nurul Azma*

*A*  
*2/15*



#### 4. Dasar Perolehan.

4.1 Bagi tujuan pengawalan, perolehan komputer peribadi secara geran ini dikendalikan melalui syarikat yang dilantik secara rasmi oleh pihak UiTM. Pihak tersebut akan membuat tuntutan bayaran terus daripada pihak Bendahari UiTM. Sekiranya harga komputer peribadi melebihi kelayakan geran, dicadangkan potongan gaji bulanan dibuat dengan nilai yang berpatutan (kebenaran staf dan Pejabat Bendahari UiTM perlu diperoleh).

#### 5. Dasar Pemilikan.

5.1 Komputer peribadi ini akan menjadi hak milik penuh pegawai. Penyelenggaraan akan dilakukan oleh syarikat pembekal secara terus diantara pemilik dan syarikat tanpa melibatkan pengurusan IT di UiTM.

6. Pemilik bertanggungjawab sepenuhnya ke atas keselamatan komputer peribadi ini.

Kelulusan ini adalah berkuat kuasa mulai 01 Mei 2014.

3. Dimaklumkan bahawa minit mesyuarat berkenaan akan disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan akan datang.

Sekian, untuk perhatian dan tindakan YBhg. Prof. seterusnya.

Yang benar



**POAZI ROSDI**  
Timbalan Bendahari  
Merangkap Setiausaha JKP  
b.p. Bendahari UiTM

s.k.:

1. Timbalan Bendahari Kanan  
Unit Kewangan Zon 5  
Pejabat Bendahari  
UiTM Shah Alam